



UNTUK SIARAN SEGERA

**MIDF MENYEDIAKAN BANTUAN PEMBIAYAAN KEPADA PKS YANG TERJEJAS
OLEH BANJIR**

KUALA LUMPUR, 10 Mac 2022 – Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) memperkenalkan bantuan pembiayaan khas di bawah Dana Kecemasan PKS 2.0 (SMEEF 2.0) pada 15 Februari 2022. SMEEF 2.0 ini adalah versi yang telah ditambahbaik dari dana Kecemasan PKS (SMEEF) yang pertama kali diumumkan pada tahun 2012. SMEEF 2.0 adalah bantuan pembiayaan khas untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terjejas teruk akibat banjir baru-baru ini dan disediakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui SME Corporation Malaysia dan diuruskan oleh MIDF.

Di bawah SMEEF 2.0, MIDF menawarkan bantuan pembiayaan sehingga RM100,000 kepada PKS terjejas akibat banjir dalam semua sektor ekonomi meliputi pelbagai keperluan asas perniagaan termasuklah untuk pembiayaan asset seperti mesin, membaik pulih premis perniagaan serta modal kerja. Penambahbaikan lain di bawah SMEEF 2.0 termasuk tempoh pembiayaan sehingga 5 tahun, moratorium 12 bulan dan kadar pembiayaan 0% untuk pemohon yang berjaya.

Untuk layak menerima bantuan kecemasan ini, PKS yang beroperasi di kawasan bencana hendaklah memberikan bukti terkesan dengan bencana banjir ini dalam bentuk surat daripada pejabat daerah atau salinan laporan polis. Pemohon juga mesti memiliki lesen perniagaan sah yang dikeluarkan oleh majlis perbandaran tempatan.



Untuk maklumat lanjut mengenai bantuan untuk PKS ini, sila hubungi Unit Penasihat Perniagaan kami di talian 1-300-88-6433 atau e-mel di GrowYourBusiness@midf.com.my. PKS yang terjejas juga boleh mendapatkan maklumat lanjut dan memohon SMEEF 2.0 melalui laman sesawang www.growyourbusiness.com.my.

###

Tentang MIDF

Kumpulan MIDF menawarkan perkhidmatan perbankan pelaburan, pembangunan kewangan dan pengurusan aset. Ia menawarkan perkhidmatan kepada para usahawan, syarikat besar dan institusi perniagaan lain.

Malayan Industrial Development Finance Ltd (kini MIDF) ditubuhkan pada 1960 hasil kajian Bank Dunia berhubung kaedah membiayai perindustrian di Tanah Melayu dan selama 61 terakhir, kumpulan MIDF telah menjadi sebahagian daripada pembangunan dan pemodenan ekonomi serta pasaran modal di Malaysia.

MIDF adalah anak syarikat penuh milik Permodalan Nasional Berhad.

Irmawati Mahamad Tahir

Timbalan Presiden,
Komunikasi Strategik Kumpulan
Ph: (03) 2173 8756
HP: (012) 492 3707
E-mel: irmawati@midf.com.my

Farrash Hasbollah

Penolong Timbalan Presiden,
Komunikasi Strategik Kumpulan
Ph: (03) 2772 8756
HP: (019) 661 3535
Email: farrash@midf.com.my

